

FPP BizNewz

eISSN 2600-9811

June - November 2021

INVESTMENT MANAGEMENT ECONOMICS MARKETING TECHNOLOGY

MERDEKA

EKONOMI 2021

ANXIETY DISORDER

Jangan Ambil Mudah

Do We Look Older Or Younger Than We Really Are?

SOLAH

A Testimony of Success

MUSLIM FRIENDLY TOURISM

The Promising Tourism Segments For Malaysia

To Online Or Not?

JEBAT Si Maine Coon

Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash



PEKEBUN KECIL GETAH DI MALAYSIA: ISU DAN SOLUSI

¹Mohd Khairi Ismail, ²Nurul Syafiza Che Nan, ³Rospidah Ghazali & ⁴Norlee Ramli

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

²Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia

³Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia

⁴Lembaga Getah Malaysia

Industri getah Malaysia merupakan satu daripada komoditi penting yang membantu meningkatkan pendapatan negara selain kelapa sawit, kayu kayan, koko, lada dan sebagainya. Pada tahun 2017 hingga 2021, negara pengeluar utama getah asli terdiri daripada negara Thailand, Indonesia, China, Vietnam, India, Kemboja, Filipina dan Sri Lanka. Malaysia merupakan senarai 10 pengeluar utama getah asli dunia di mana berada pada kedudukan ke enam dengan jumlah pengeluaran bulanan pada bulan Julai 2021 adalah sebanyak 47,473 tan metrik. Negara China merupakan destinasi utama eksport getah asli iaitu menyumbang sebanyak 44.6 peratus daripada keseluruhan eksport pada Julai 2021. Destinasi seterusnya adalah negara Amerika Syarikat, Finland, Turki dan Mesir di mana masing-masing menyumbang sebanyak 7.7 peratus, 5.0 peratus, 2.8 peratus dan 2.7 peratus dengan jumlah keseluruhan eksport dengan awalan pada Julai 2021 sebanyak 48,589 tan metrik. Jumlah penggunaan domestik daripada getah asli pada Julai 2021 adalah dengan awalan sebanyak 26,669 tan metrik. Industri penggunaan domestik

tertinggi daripada getah asli adalah industri sarung tangan getah iaitu sebanyak 21,363 tan diikuti tayar dan tuib, benang getah dan lain-lain. Masing-masing sebanyak 1,453, 1,074, dan 2,779 tan metrik. Selain itu, produk sarung tangan getah juga merupakan produk eksport utama berbanding produk lain. Bagi meningkatkan penggunaan domestik getah, Malaysia juga mengimport getah asli dari negara luar iaitu jumlah keseluruhan dengan awalan sebanyak 89,077 tan pada awal Julai 2021. Antara negara pengimport adalah Thailand yang merupakan pengimport terbesar sebanyak 36.6 peratus diikuti negara Filipina, Myanmar, Indonesia dan Vietnam di mana masing-masing sebanyak 15.2 peratus, 10.7 peratus, 1.1 peratus dan 0.7 peratus (Malaysia(a), 2021)

Terdapat dua jenis pemilikan tanah tanaman getah yang dilaksanakan di Malaysia iaitu, pekebun bebas dan pekebun yang di bawah pengurusan rancangan agensi kerajaan. Umumnya, pekebun bebas diusahakan sendiri oleh petani getah manakala pekebun di bawah pengurusan agensi kerajaan adalah diselia oleh agensi kerajaan seperti

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Pelan Tanah Kerajaan Persekutuan dan Negeri, RISDA Mini Estet dan lain-lain. Agensi ini berperanan menyokong pekebun dengan bantuan input, peralatan pertanian dan sebagainya bagi memastikan kecekapan pengeluaran dan kelestarian sektor getah dalam tempoh jangka panjang. Tanaman getah bukan sahaja di Semenanjung Malaysia malah terdapat di Sabah dan Sarawak di mana negeri Kelantan dan Terengganu merupakan negeri terbesar mempunyai tanaman getah iaitu sebanyak 12,722 hektar pada Mei 2021 manakala Pahang merupakan negeri terkecil tanaman getah iaitu sebanyak 2,732 hektar. Pengeluaran dan keluasan tanaman getah terdiri daripada tanaman getah secara estet dan pekebun kecil.

Prestasi atau trend jumlah keluasan tanaman getah di Malaysia menunjukkan penurunan dari tahun 2000 hingga 2010 iaitu dari 1,430,680 hektar kepada 1,020,380 hektar. Seterusnya, berlaku sedikit peningkatan keluasan tanaman getah dari tahun 2010 hingga tahun 2020 iaitu meningkat kepada 1,106,861 hektar. Perubahan ini selaras dengan pengeluaran getah setiap tahun di mana pada tahun 2000 hingga tahun 2010, jumlah pengeluaran getah dari 927,608 tan metrik kepada 939,241 tan metrik. Namun, pengeluaran getah terus berkurang sehingga tahun 2020 iaitu berkurang kepada 92,432 tan metrik. Pekebun kecil mempunyai kawasan tanaman getah yang berkeluasan besar berbanding kawasan estet. Namun, prestasi keluasan tanaman pekebun kecil semakin berkurang dari tahun 1965 hingga 2020 iaitu dari 1,255,966 hektar kepada 956,180 hektar tahun 2010. Begitu juga dengan kawasan estet getah di mana keluasan tanaman berkurang dari tahun 1965 hingga tahun 2020 iaitu

dari 788,622 hektar kepada 91,084 hektar. Selari dengan teori pengeluaran, keluasan tanah berhubungan signifikan dengan pengeluaran getah di mana kedua-dua kawasan tanaman getah ini juga berkurang dari tahun 1965 hingga 2020. Pengeluaran bagi kawasan pekebun kecil adalah dari 982,530 tan metrik kepada 41,382 tan metrik manakala bagi kawasan estet berkurang dari 507,854 tan metrik kepada 51,050 tan metrik.

Industri komoditi seperti kelapa sawit dan getah merupakan penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Penyumbangan ini bergantung kepada nilai keluaran dalam industri sawit dan getah bagi kedua-dua peringkat iaitu hiliran dan huluan. Bagi tempoh 2000 hingga 2010, kedua-dua komoditi ini mencatat pertumbuhan sebanyak 4.7 peratus bagi komoditi sawit dan 2.5 peratus bagi komoditi getah. Bagi keseluruhan produk-produk industri komoditi pula mencatatkan nilai ditambah sebanyak 2.8 peratus setahun bagi peringkat hiliran, manakala 1.6 peratus bagi peringkat huluan.

Sebanyak 6.8 peratus sektor komoditi menyumbang kepada KDNK pada tahun 2010 di mana 57.7 peratus adalah di peringkat huluan manakala 42.3 peratus di peringkat hiliran (Malaysia (b), 2021). Jika dilihat dari segi nilai ditambah sektor huluan komoditi dijangkakan berkembang sebanyak 2.7 peratus setahun bagi tempoh 2011 hingga 2020. Secara keseluruhannya, sumbangan industri komoditi kepada KDNK pada tahun 2020 adalah meningkat sebanyak 30.4 peratus iaitu meningkat dari RM21.8 bilion pada tahun 2010 kepada RM28.5 bilion pada tahun 2020. Pertumbuhan unjuran nilai ditambah sektor huluan industri getah adalah sebanyak 5.2 peratus bagi tempoh 2011 hingga 2020 di mana lebih tinggi berbanding industri sawit. Nilai pertumbuhan tersebut adalah dari RM1,924 juta tahun 2010 kepada RM3,206 tahun 2020 (Malaysia (c), 2021).

Getah asli berperanan sebagai industri strategik yang menyokong industri pembuatan berasaskan getah dan merupakan sumber pendapatan utama bagi pekebun kecil di mana pada tahun 2010, sebanyak 95 peratus keluasan tanaman diusahakan oleh pekebun kecil. Faktor sosioekonomi memainkan peranan penting dalam menentukan tahap taraf hidup pekebun kecil di Malaysia seperti jumlah pekebun kecil, pendapatan, kadar kemiskinan dan umur pekebun kecil. Dari segi jumlah pekebun kecil di Malaysia, negeri Sarawak merupakan negeri tertinggi bilangan pekebun kecil iaitu 58,048 orang di mana jumlah pemilik pengusaha sebanyak 58,048 dan tidak mempunyai jumlah penoreh getah. Negeri kedua tertinggi adalah negeri Kelantan dan Kedah di mana jumlah pekebun kecil bagi kedua negeri tersebut adalah sebanyak 49,329 dan 45,297 orang. Jumlah pemilik pengusaha pekebun kecil di Kelantan adalah sebanyak 43,051 orang manakala di Kedah sebanyak 41,648 orang. Selanjutnya, penoreh getah bagi kedua-dua negeri tersebut sebanyak 6,227 dan 3,643 orang. Bagi negeri lain seperti Johor, Terengganu, Negeri Sembilan, Perak dan Pahang mempunyai jumlah pekebun kecil termasuk jumlah pemilik pengusaha dan penoreh adalah di antara 14,048 hingga 28,652 orang (Malaysia, 2019). Manakala, negeri terendah yang mempunyai pekebun kecil adalah negeri Pulau Pinang, Perlis, Selangor, Sabah dan Melaka iaitu jumlah di antara 509 orang hingga 7,298 orang.

Daripada aspek isu dan cabaran, pelbagai aspek yang dihadapi oleh pekebun kecil getah seperti struktural dan teknikal yang melibatkan perubahan harga getah Malaysia, saiz tanah, buruh, modal, penggunaan teknologi dan ancaman alam sekitar. Pada tahun 2007 hingga 2008 harga getah beku melonjak tinggi sehingga mencapai ke tahap RM7.00 sekilogram dan merupakan fasa menguntungkan pekebun kecil. Banyak kebun-kebun getah tua ditoreh bagi mengejar keuntungan dan menanggungkan penanaman semula bagi mengejar peningkatan harga getah beku. Pendapatan pekebun kecil

“Getah asli berperanan sebagai industri strategik yang menyokong industri pembuatan berasaskan getah dan merupakan sumber pendapatan utama bagi pekebun kecil di mana pada tahun 2010, sebanyak 95 peratus keluasan tanaman diusahakan oleh pekebun kecil.”

bagi tempoh tersebut telah meningkat dan melebihi fasa sejahtera. Namun, pada tahun berikutnya tahun 2009, harga getah beku sekilogram telah jatuh dan menyebabkan pekebun kecil tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada tanaman getah dan beralih kepada tanaman sawit. Perubahan harga getah beku ini berterusan dan terkini harga lantai getah beku adalah RM2.50 sekilogram. Trend penurunan ini berterusan sehingga RM1.60 sekilogram (Sinar Harian, 2020). Keadaan ini memberi tekanan kepada pekebun kecil yang bergantung sepenuhnya kepada tanaman getah. Kekurangan teknologi seperti cara torehan dan penjagaan tanaman yang tidak berkualiti menyebabkan kekangan pekebun kecil meningkatkan pendapatan. Sesetengah pekebun kecil sanggup mengikat tali pada batang pokok yang ditoreh pada tempat yang tinggi bagi membolehkan susu getah mengalir masuk ke dalam mangkuk getah. Namun, apabila susu getah membeku menyebabkan tali masih berada didalamnya dan kilang yang memproses getah tidak dapat mengasingkannya sekaligus menyebabkan kualiti getah terjejas.

Ancaman alam sekitar seperti perubahan cuaca yang tidak menentu menyebabkan pengeluaran getah pekebun kecil terjejas. Misalnya, apabila berlaku musim panas berlanjutan menyebabkan daun getah kering dan luruh seterusnya menyebabkan pokok getah tidak sesuai untuk ditoreh kerana pengeluaran susu berkurangan. Keadaan ini menyebabkan pendapatan pekebun kecil terjejas di antara empat hingga lima bulan. Akhirnya, pekebun kecil terpaksa mengeluarkan modal untuk membeli

penggalak tumbuhan seperti baja bagi memastikan pokok getah mengeluarkan daun getah yang baru dengan cepat. Begitu juga musim hujan menyebabkan pekebun kecil tidak dapat menoreh dan pendapatan mereka terjejas. Terdapat juga pekebun kecil terpaksa menanam sayur-sayuran di sekitar rumah sepanjang musim kemarau dan hujan bagi menampung keperluan harian dan kelangsungan hidup.

Transformasi atau perubahan polisi bagi membangunkan sektor komoditi industri getah juga menyebabkan keluasan tanaman kawasan pekebun kecil berkurang. Pengurangan keluasan dan pengurangan tanaman getah memungkinkan Malaysia kekal di kedudukan keenam sebagai pengeksport getah asli dunia. Faktor yang menyebabkan pengurangan keluasan tanaman getah adalah disebabkan pertukaran ladang getah kepada kawasan pembangunan hartanah seperti kawasan perumahan dan bangunan komersial. Selain itu, pertukaran ladang getah kepada tanaman lain yang berpotensi menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara seperti kelapa sawit juga menyebabkan pengeluaran getah asli negara semakin menyusut. Selain itu, perubahan tanaman kepada tanaman kelapa sawit juga disebabkan pokok getah telah mencapai tahap matang atau pokok tua yang menghasilkan susu getah yang sedikit. Oleh itu, ia tidak memungkinkan Malaysia menyaingi pengeluaran getah Thailand, Indonesia, Vietnam dan Kemboja berikutan faktor kekangan kawasan penanaman baharu getah. Justeru, Malaysia hanya mampu mengekalkan kedudukan sebagai pengeksport getah asli keenam terbesar dunia.

Penetapan hargaantai getah sekilogram adalah satu langkah holistik bagi memastikan tiada berlaku perubahan harga getah yang terlalu rendah. Hal ini kerana pekebun kecil bergantung sepenuhnya kepada harga semasa getah di mana kejatuhan harga getah memberi kesan kepada kehidupan harian mereka. Kerajaan akan mempertimbangkan

harga lantai getah sebanyak RM4 sekilogram (Sinar Harian, 2020). Jika pelaksanaan penetapan harga lantai getah RM4 sekilogram oleh kerajaan, pekebun kecil akan menarik nafas lega kerana dapat membantu kehidupan harian mereka yang lebih baik. Selain itu, pemberian elaun bulanan kepada pekebun seperti nelayan iaitu elaun sara hidup dan elaun kehilangan pendapatan juga dapat meringankan beban mereka terutamanya pekebun kecil yang bergantung sepenuhnya pendapatan daripada getah.

Fungsi dan peranan koperasi pekebun getah perlu dipertingkatkan dalam usaha meningkatkan pendapatan pekebun kecil getah di negara ini. Selain itu, penubuhan koperasi dapat memastikan pengurusan dan penjualan getah secara efisien mengikut prosedur yang ditetapkan. Penambahan penubuhan koperasi dapat membantu pekebun getah terutamanya dapat membeli getah dengan nilai lebih tinggi berbanding harga pasaran dengan menggunakan dana yang telah diberikan oleh kementerian. Hal ini kerana penetapan harga getah sentiasa dikawal oleh orang tengah berskala besar yang menetapkan harga yang tidak relevan kepada pekebun kecil dan menjejaskan pendapatan mereka. Bagi memastikan pendapatan pekebun kecil menjadi lebih baik, pekebun kecil getah di seluruh negara disarankan menubuhkan koperasi bagi menghimpun dan menggabungkan pekebun kecil getah terutamanya menjelang pelancaran Projek Transformasi Perusahaan Industri Getah (Target).

Pendidikan teknikal dan vokasional berkaitan pertanian dalam kalangan golongan muda di luar bandar terutamanya anak pekebun kecil adalah penting bagi meningkatkan kemahiran dalam teknikal dan vokasional. Program pendidikan teknikal dan latihan vokasional ini berupaya mencipta peluang kerjaya dalam bidang keusahawanan dengan penekanan bidang pertanian khususnya. Selanjutnya, golongan muda juga akan didedahkan dengan teknologi dan kaedah pertanian

moden terkini serta dilengkapkan dengan ilmu usahawan. Bagi anak pekebun kecil yang mewarisi pekerjaan keluarga, mereka dapat mengadaptasikan kaedah pertanian moden yang lebih efisien dan seterusnya melahirkan tenaga kerja yang mahir dan terlatih. Hal ini kerana golongan muda lebih produktif dari segi ekonomi berbanding golongan tua. Pengamalan teknologi moden dalam kalangan pekebun kecil dapat menyumbang kepada peningkatan pengeluaran dan pendapatan pekebun kecil. Antaranya adalah Klon Tateks Balak, pengeluaran hasil dengan menggunakan rangsangan etefon, pengeluaran hasil menggunakan rangsangan gas, bilangan hari ditoreh, pemasangan alat kalis hujan, merumpai dan membaja mengikut jadual. Selain itu, tanaman integrasi juga merupakan kaedah teknologi moden yang perlu diamalkan oleh pekebun kecil. Tanaman integrasi mampu meningkatkan pendapatan pekebun kecil dengan memaksimumkan penggunaan tanah dan meningkatkan produktiviti ladang. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan pendapatan ladang malah dapat memperbaiki taraf hidup mereka. Pelbagai tanaman yang dicadangkan oleh pihak RISDA sebagai tanaman integrasi dengan getah, namun bergantung kepada sistem pokok getah ditanam seperti, cili, serai, kacang tanah, pisang, labu, keladi, ubi kayu, tembikai, jagung dan keledak. Dengan tanaman alternatif ini, pekebun kecil dapat mengatasi masalah produktiviti hasil getah dan pendapatan penoreh disebabkan saiz ladang yang tidak ekonomik dan harga getah tidak stabil. Walaupun tanaman integrasi

memerlukan keluasan yang kecil, ia mampu memberi pengeluaran yang tinggi kepada pekebun kecil.

Rujukan

Dasar Komoditi Negara 2011-2020. (2019).
Dasar komoditi negara 2011-2020: ringkasan
eksekutif/Kementerian Perusahaan
Perladangan dan Komoditi.

Malaysia. (2021)a. Buku Dasar Pembanguna
Luar Bandar. Putrajaya: Kementerian
Pembangunan Luar Bandar.

Malaysia. (2021)b. Dasar Komoditi Negara
2011-2020. Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan
Perdana Menteri. Bahagian Perancangan
Strategik dan Antarabangsa: Kementerian
Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Malaysia. (2021)c. Perangkaan Getah Bulanan
Malaysia, Julai 2021. Jabatan Perangkaan
Malaysia, Jabatan Perdana Menteri.

Malaysia. (2019). Keluasan Bertanam dan
Pengeluaran Getah Asli di Malaysia. Lembaga
Getah Malaysia.

Sinar Harian (1 November 2020).
Pertimbangkan kenaikan harga rantai getah
sekerap RM4 sekilogram. Artikel penuh:
[https://www.sinarharian.com.my/article/107954/
KHAS/Belanjawan-2021/Pertimbang-kenaikan-
harga-lantai-getah-sekerap-RM4-sekilogram](https://www.sinarharian.com.my/article/107954/KHAS/Belanjawan-2021/Pertimbang-kenaikan-harga-lantai-getah-sekerap-RM4-sekilogram)



Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash